

07/03/1997

Cadangan wujudkan Khidmat Sosial Negara

KUALA LUMPUR, Khamis - Kementerian Belia dan Sukan di peringkat akhir meneliti kertas cadangan mewujudkan Khidmat Sosial Negara sebelum mengemukakannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Jawatankuasa Kabinet Menangani Gejala Sosial, tidak lama lagi.

Antara perkara diteliti ialah dari segi implikasi pelaksanaannya iaitu bilangan tenaga yang akan digunakan, tempat dan kemudahan yang mesti disediakan serta kos sama ada dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan atau dikongsi bersama dengan ibu bapa.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata beliau sedang meneliti kertas cadangan tidak rasmi selepas menerimanya daripada pasukan petugas yang dipengerusikan Tan Sri Dr Awang Had Salleh.

"Kini saya hampir siap menelitinya dan perjumpaan terakhir dengan pasukan petugas itu akan diadakan dan mungkin ada perubahan pada kertas cadangan itu.

"Selepas itu, kertas berkenaan akan dibawa kepada Perdana Menteri untuk mendapat kebenaran sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet Menangani Gejala Sosial yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyerahkan bendera Malaysia kepada Presiden Persatuan Payung Terjun Malaysia, Kol (B) Aziz Ahmad yang mengambil bahagian dalam pertandingan payung terjun di Thailand di kementeriannya di sini, hari ini.

Muhyiddin berkata, kertas cadangan itu akan dibentangkan di Konvensyen Belia Nasional oleh Dr Awang Had, pada 15 Mei depan sempena sambutan Minggu Belia Negara, bagi mendapatkan pandangan kira-kira 2,500 pemimpin belia seluruh negara yang dijangka menghadiri perhimpunan itu.

Menurutnya, sempena Minggu Belia Negara yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra itu, Dr Mahathir dijangka memberi amanat penting kepada belia dan diikuti konvensyen.

(END)